

19/03/1998

BPR soal enam wakil Umno Kuala Selangor

SHAH ALAM, Rabu - Sekurang-kurangnya enam perwakilan Umno bahagian Kuala Selangor ditahan untuk disoal siasat Badan Pencegah Rasuah (BPR) kerana disyaki terbabit dalam politik wang sebelum persidangan perwakilan bahagian itu, Sabtu lalu.

BPR dikatakan menemui sejumlah wang tunai daripada beberapa perwakilan, dipercayai digunakan untuk menyogok RM200 seorang supaya mengundi calon tertentu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Abu Hassan Omar ketika ditanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco hari ini, mengesahkan penahanan itu.

"Mereka bukan `diculik' seperti dakwaan sesetengah pihak, sebaliknya ditahan untuk disoal siasat oleh BPR kerana disyaki terbabit dalam politik wang," katanya.

Pada persidangan perwakilan yang dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, Abu Hassan mengekalkan jawatannya sebagai ketua bahagian tanpa bertanding. Turut menang tanpa dicabar ialah Naib Ketua Bahagian, Jahaya Ibrahim. Bagaimanapun, Timbalan Ketua Bahagian, Datuk Miskon Sutero dicabar oleh bekas Setiausaha Sulit Kanan Menteri Penerangan, Daud Tarihep.

(END)